



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAIK
SARAWAK

PUTRA
PERTANIAN UNTUK RAKYAT®



Kursus Pemindahan **TEKNOLOGI PERTANIAN** **2025**

UNIVERSITY
—*For SOCIETY*



Anjuran
Pusat Pertanian Putra
Universiti Putra Malaysia Sarawak

PPP@UPMS

2

ZERO HUNGER



4

QUALITY EDUCATION



PENGENALAN

Bahagian Taman Pertanian Universiti, Universiti Putra Malaysia Sarawak (TPU, UPMKB) yang telah ditubuhkan pada 1 Disember 2001 merupakan penggerak utama kursus pertanian dan penternakan jangka pendek (pemindahan teknologi) di Universiti Putra Malaysia Kampus Sarawak (UPMS).

Pusat Pertanian Putra (PPP) yang dahulunya dikenali sebagai Taman Pertanian Universiti (TPU) telah dijenamakan dan distruktur semula bermula 1 November 2021. Selaras dengan Matlamat 4 dalam Pelan Strategik 2021-2025 UPM iaitu memperkasakan pertanian dan ketahanan sekuriti makanan, Pusat Pertanian Putra UPMS telah melalui penggabungan struktur pengurusan dengan Pusat Pertanian Putra Kampus Serdang bagi tujuan penyelarasan aktiviti yang lebih cekap dan kebersamaan tindakan.

Salah satu aktiviti utama PPP adalah menganjurkan kursus pemindahan teknologi dalam bidang pertanian. Pada tahun 2022, 8 daripada 9 kursus yang dianjurkan telah mendapat sambutan yang sangat baik. Manakala pada tahun 2023 (6) dan 2024 (7) kursus telah dianjurkan. Justeru itu, pada tahun 2025 ini PPP akan meneruskan usaha penganjuran kursus seumpama ini.

Usaha penganjuran kursus pemindahan teknologi dalam bidang pertanian ini seajar dengan Objektif 4 dan Strategi 4.5 dalam Pelan Strategik UPMS 2019 – 2023, di samping menggalakkan perkongsian ilmu dalam bidang pertanian kepada masyarakat luar selaras dengan misi UPM iaitu memberi sumbangan bermakna kepada pembentukan kemakmuran dan pembangunan negara serta kesejahteraan manusia sejagat menerusi penerokaan dan penyebaran ilmu.

Di antara kursus-kursus anjuran PPP@UPMS termasuklah kursus pembiakan tanaman buah-buahan popular, kursus penanaman sayur-sayuran secara fertigasi, kursus landskap dan seni taman, kursus orkid dan bonsai, kursus pengurusan tapak semaihan/nurseri, kursus penanaman sayur-sayuran di bawah Struktur Pelindung Hujan, kursus pertanian bandaran, kursus penternakan ayam pedaging, kursus penternakan ayam kampung kacukan, kursus penternakan ayam penelur, kursus penternakan itik pedaging, kursus penternakan itik penelur dan kaedah pemprosesan telur masin, kursus penternakan burung puyuh, kursus penternakan kambing, kursus penternakan lembu secara fidlot, kursus penternakan dan penghasilan benih ikan air tawar, kursus penternakan dan penghasilan benih udang galah, kursus pembuatan baja foliar dan baja kompos, kursus penanaman cendawan tiram dan kursus penternakan lebah kelulut.

Timbalan Pengarah PPP, UPMS, Prof. Madya Dr. Amy Halimah binti Rajaei turut menambah bahawa kursus tersebut dijalankan selaras dengan keperluan peningkatan ilmu untuk memperkasakan bidang pertanian sebagai salah satu inisiatif dalam menghadapi isu sekuriti makanan negara. Inisiatif ini adalah selari dengan Jenama PUTRA – “Pertanian untuk Rakyat” dan moto UPM “Berilmu Berbakti”.

Selain mengadakan kursus-kursus di dalam kampus, PPP@UPMS turut menerima undangan untuk mengadakan kursus pertanian/penternakan jangka pendek di luar kampus seperti di rumah-rumah panjang, di balai raya atau dewan masyarakat, di kebun-kebun peserta dan sebagainya dengan pakej bayaran yang berpatutan. Pusat Pertanian Putra UPMS turut mendapat galakan dan sokongan daripada, Provos UPMS Prof. Dr. Shahrul Razid Sarbini agar kursus seumpama ini dapat dikembangkan kepada komuniti setempat khasnya dan masyarakat umum amnya seajar dengan cogan kata keramat UPM ‘Berilmu Berbakti’ dengan bayaran yang minimum supaya bidang kepakaran yang dimiliki oleh pegawai akademik dan pegawai bukan akademik UPMS dapat diserlahkan dan dimanfaatkan sewajarnya.

TUJUAN / OBJEKTIF KURSUS

Untuk memenuhi saranan kerajaan bagi meningkatkan lagi industri pertanian di Malaysia.

Meningkatkan kemahiran penternak/petani dengan kaedah dan amalan baik pertanian untuk kebolehlaksanaan projek yang berdaya maju.

Memindahkan teknologi terkini kepada penternak/petani untuk meningkatkan produktiviti dan kualiti hasil ladang.

Menerapkan ciri-ciri keusahawanan kepada penternak/petani untuk menjadi usahawan yang berjaya.

SASARAN PESERTA

Penternak /
Petani /
Individu

Staf, keluarga staf
dan pelajar UPM

Peserta luar
(Sabah, Brunei dll.)

Bakal
usahaawan

Agensi kerajaan
dan swasta

Usahawan



YURAN PENYERTAAN

Peserta Luar

RM180.00
(1 HARI)

RM360.00
(2 HARI)

Staf /
Ahli Keluarga Staf *
/ Pelajar UPM

RM150.00
(1 HARI)

RM300.00
(2 HARI)

Nota:

Termasuk sijil penyertaan, bahan kursus & makan minum

*Ahli keluarga staf UPM adalah terdiri daripada pasangan (suami/isteri), anak-anak dan ibu bapa



Kursus Pengurusan Penternakan Ayam

12 April 2025

Daging dan telur ayam sangat digemari kerana hampir semua rakyat Malaysia boleh makan produk hasilan ayam. Selain itu, peningkatan kesedaran masyarakat tentang kepentingan pengambilan makanan berkhasiat menyebabkan permintaan terhadap daging dan telur ayam terus meningkat setiap tahun. Menjadi penternak ayam sebenarnya tidak sukar.

Kursus ini akan memberi panduan kepada peserta yang ingin menternak ayam mengenai keperluan umum, penyediaan reban, pengurusan dan penyelenggaraan harian sehingga penuaian. Turut dikongsikan juga ialah ilmu pengetahuan tentang pengurusan kesihatan ayam, penyediaan dan penghasilan makanan untuk ayam serta penyelesaian kepada masalah yang sering dihadapi oleh penternak ayam.





Kursus

PENANAMAN SAYURAN MENGGUNAKAN TEKNOLOGI SISTEM FERTIGASI DAN HIDROPONIK

10 Mei 2025

Penanaman sayuran secara konvensional di kawasan terbuka sentiasa berhadapan dengan risiko kerana terdedah kepada cuaca buruk, serangan serangga perosak dan penyakit terutamanya bagi sayuran iklim sederhana yang ditanam di kawasan tanah rendah. Bagi menyelusaikan masalah ini, adalah disyorkan penanaman dilakukan di bawah struktur pelindung hujan dengan menggunakan teknologi fertigasi atau hidroponik. Kini penanaman cara fertigasi atau hidroponik menjadi lebih mudah, maju dan semakin diminati dengan adanya pengetahuan mengenai baja, peralatan dan strategi pengurusan nutrien yang efektif terutamanya oleh penduduk bandar yang tidak mempunyai tanah untuk bercucuk tanam. Melalui kursus ini, peserta akan didedahkan kepada pengenalan tentang konsep terkini dalam fertigasi dan hidroponik, pembajaan menggunakan baja AB untuk menghasilkan sayur yang subur, penjagaan tanaman daripada serangan serangga perosak, cara set-up kebun fertigasi dan hidroponik serta anggaran kos terlibat dan saluran pemasaran.





Kursus

ASAS TERNAKAN IKAN AIR TAWAR
SECARA AKUAKULTUR

17 Mei 2025

Industri penternakan ikan air tawar merupakan antara industri yang mampu memberikan pulangan lumayan kepada penternak jika diusahakan secara bersungguh-sungguh. Antara jenis ikan air tawar yang mempunyai pasaran tinggi seperti tilapia, keli, jelawat dan patin.

Antara langkah untuk memajukan penternakan ikan air tawar negara khususnya di Sarawak, Pusat Pertanian Putra, UPM Kampus Bintulu akan menganjurkan kursus dan latihan kepada masyarakat bagi menggalakkan penglibatan masyarakat terutamanya golongan belia (Agropreneur muda) dalam industri akuakultur. Penganjuran kursus yang akan dilaksanakan secara teori dan amali adalah untuk panduan kepada peserta yang ingin menternak ikan air tawar mengenai Pengenalan kepada Akuakultur, Proses Projek Akuakultur, Pengurusan Kesihatan Ikan, Prinsip Asas Pemakanan Ikan, Teori Penternakan Ikan Tilapia serta Teori Pembibitan Aruhan Ikan Keli Afrika sementara amali atau praktikal pula akan mempelajari Teknik Pembentahan Secara Aruhan dan Penyediaan Tangki Penetasan serta penyelesaian kepada masalah yang sering dihadapi oleh penternak ini dijangka akan mendapat sambutan yang menggalakkan dalam kalangan staf UPMKB maupun masyarakat di Bahagian Bintulu memandangkan potensi dan permintaan terhadap ikan air tawar ini agak tinggi di pasaran.





Kursus Pengurusan

Penternakan Ayam

14 Jun 2025

Daging dan telur ayam sangat digemari kerana hampir semua rakyat Malaysia boleh makan produk hasilan ayam. Selain itu, peningkatan kesedaran masyarakat tentang kepentingan pengambilan makanan berkhasiat menyebabkan permintaan terhadap daging dan telur ayam terus meningkat setiap tahun. Menjadi penternak ayam sebenarnya tidak sukar.

Kursus ini akan memberi panduan kepada peserta yang ingin menternak ayam mengenai keperluan umum, penyediaan reban, pengurusan dan penyelenggaraan harian sehingga penuaian. Turut dikongsikan juga ialah ilmu pengetahuan tentang pengurusan kesihatan ayam, penyediaan dan penghasilan makanan untuk ayam serta penyelesaian kepada masalah yang sering dihadapi oleh penternak ayam.





Kursus Pengurusan

Pastura & Pembuatan Silaj Makanan Ternakan Ruminan

21 JUN 2025

Rumput napier mendapat pemintaan tinggi penternak ruminan lembu dan kambing sebagai makanan alternatif sejak harga dedak haiwan ternakan meningkat dengan mendadak. Dalam tempoh tiga bulan selepas penanaman, rumput napier sudah boleh dituai. Rumput napier segar biasanya boleh dijual pada harga RM0.30 hingga RM0.45/kg manakala rumput yang siap dirincih (fresh cut) dijual pada harga RM0.45 hingga RM0.55/kg dan rumput silaj dijual pada harga RM0.60 hingga RM0.70/kg.

Melalui kursus ini, peserta akan didedahkan kepada kaedah penanaman pastura, cara pembajaan yang disyorkan, kaedah pemotongan pastura yang betul serta kaedah penuaian dan pembuatan silaj akan diperincikan. Dengan adanya pengetahuan yang disampaikan, para peserta, bakal pengusaha foder ternakan dan penternak sedikit sebanyak dapat menjana hasil pastura yang berterusan untuk kegunaan ternakan sendiri bagi mengurangkan kos pembelian makanan ternakan. Disamping itu, rumput pastura yang berkualiti boleh dijual kepada penternak sekitar yang sentiasa memerlukan rumput segar.





Kursus Pengurusan

PENTERNAKAN ITIK

21 Jun 2025

Penternakan itik mempunyai potensi dalam menjana pendapatan dan meningkatkan sosio-ekonomi penduduk kerana permintaan yang tinggi memandangkan menternak itik tidaklah begitu sukar sebagaimana menternak ayam. Ini kerana itik mempunyai daya hidup yang tinggi dan tidak mudah diserang penyakit. Cara pemeliharaan dan pengurusannya mempunyai sedikit perbezaan dan lebih mudah jika dibandingkan dengan ternakan ayam.

Kursus ini akan mendedahkan kepada peserta secara terperinci tentang keperluan umum, penyediaan atau penghasilan makanan dan pengurusan kesihatan dalam penternakan itik.





Kursus Pengurusan Penternakan Burung Puyuh

28 Jun 2025

Para peserta akan didedahkan dengan teori berkaitan penternakan puyuh secara menyeluruh, keperluan prasarana, pengenalan perumahan dan pengurusan ternakan puyuh, taklimat secara teori berkaitan pemakanan, pengurusan kesihatan puyuh, mengetahui berkaitan pengurusan anak puyuh selepas penetasan (perindukan, pembesaran dan pemberian makanan).

Disamping itu, praktikal / amali teknik pemilihan telur puyuh untuk tujuan pengeraman dan penetasan, pendedahan teknik pembuatan/penghasilan inkubator secara manual dan kecil-kecilan serta praktikal pembuatan kompos melalui bahan sarap puyuh yang akan dikendalikan pegawai yang berpengalaman.



Kursus

Pembibakan & Pengurusan DURIAN

19 Julai 2025

Permintaan dan pengeluaran durian terus meningkat setiap tahun, dan dianggarkan peningkatan pengeluaran durian meningkat 2-5 peratus setiap tahun, namun jumlah demikian belum cukup untuk menampung pasaran eksport ke luar negara. Oleh yang demikian, kerajaan menerusi Jabatan Pertanian amat menggalakkan mana-mana pihak supaya menceburi bidang industri durian kerana ianya amat berpotensi serta berupaya bersaing dengan industri buah-buahan yang lain walaupun banyak cabaran dan rintangan.

Di antara cabaran penanaman durian termasuklah pengeluaran berterusan, pengurusan seperti serangan penyakit dan perosak, pemasaran, persaingan negara pengeksport lain yang menggunakan varieti yang sama dan penggunaan teknologi pengurusan ladang. Dengan adanya kursus yang dianjurkan ini kelak sedikit sebanyak akan membantu mengurangkan segala permasalahan yang dihadapi oleh penggemar industri durian.

Peserta kursus akan diberitahu dengan scenario dan potensi-potensi penanaman durian dan jenis-jenis durian yang lain seperti klon yang berpotensi tinggi untuk ditanam, kaedah penanaman (semaian) dan media penanaman. Penanaman dan pengurusan durian dari peringkat anak benih sehingga ke peringkat penanaman di ladang (kaedah semaian dan penanaman, pembajaan, kawalan penyakit dan perosak). Demonstrasi pelbagai kaedah pembibakan anak benih durian yang biasa diamalkan untuk mendapatkan hasil peratusan (%) pertumbuhan yang tinggi yang akan dikendalikan oleh pegawai yang berpengalaman.






Kursus Sayuran :

SISTEM PENANAMAN TEPAT UNTUK
MENGOPTIMUMKAN KEUNTUNGAN

16 Ogos 2025

Melalui kursus ini, peserta akan didedahkan tentang Pengurusan tanah merangkumi penyediaan tanah dan batas sebelum penanaman seperti pembersihan kawasan, pembajakan, membuat batas, membuat sistem saliran dan menyediakan sistem pengairan serta pengurusan tanaman seperti cara penanaman, pembajaan, kawalan perosak dan penyakit bagi memastikan tanaman dapat tumbuh dengan subur dan dapat mengeluarkan hasil yang tinggi.





Kursus

FORMULASI DAN PEMBUATAN MAKANAN TERNAKAN

23 Ogos 2025

Pada penghujung tahun 2022, negara sekali lagi digemparkan dengan berita peningkatan harga makanan ternakan yang mana sedikit sebanyak mengusarkan hati para penternak. Dengan peningkatan harga tersebut, ada segelintir penternak kecil yang terpaksa memberhentikan operasi ternakan mereka kerana kos makanan yang meningkat. Hal ini sekaligus telah menjasaskan beberapa sektor ternakan seperti ayam, telur ayam dan sebagainya.

Oleh yang sedemikian, kerajaan menyeru para penternak besar mahupun kecil untuk membuat makanan alternatif bagi unggas dan ruminan. Antara usaha Pusat Pertanian Putra, UPMKB dalam menyokong seruan kerajaan adalah menganjurkan kursus dan latihan kepada masyarakat terutamanya penternak untuk membantu mereka menghasilkan makanan alternatif sekaligus mengurangkan kos pembelian makanan ternakan.

Dalam kursus ini, penceramah yang berpengalaman akan berkongsi asas pembuatan makanan alternatif unggas dan ruminan secara teori dan amali. Kursus ini merangkumi teori dan amali yang bukan sahaja untuk penternak semata-mata malah individu yang baru mencebur dunia ternakan juga amatlah dialu-alukan agar dapat memantapkan lagi sektor ternakan di Malaysia.





Kursus

PRINSIP PEMBUATAN MAKANAN RUMUSAN IKAN

20-21 September 2025

Para peserta akan diberi penerangan serta perkongsian ilmu mengenai penghasilan makanan ternakan merangkumi pelbagai kategori makanan mengikut amalan akuakultur baik. Makanan rumusan yang dibuat/dihasilkan adalah bertujuan untuk membekal nutrient yang optimum kepada ikan dan dalam masa yang sama dapat membantu mengurangkan kos penghasilan makanan ikan.

Ianya secara langsung akan mempercepatkan pertumbuhan ikan pada tahap yang maksima berbanding dengan habitat asal ikan tersebut. Selain daripada itu turut didedahkan juga kepentingan nutrient (Protein, Lipid, Karbohidrat, mineral, vitamin, tenaga) serta kaedah perumusan makanan ikan.





Kursus

PEMBUATAN BAJA ORGANIK

6 Disember 2025

Baja organik atau kompos adalah bahan yang terhasil daripada proses pereputan semula jadi bahan-bahan seperti daun dan rumput kering, sisa dapur, sisa tanaman dan sisa haiwan yang telah terurai oleh mikroorganisma. Kompos yang terhasil ini sangat sesuai untuk dijadikan sebagai sumber nutrien tanaman. Penghasilan baja organik ini boleh dilakukan tanpa menggunakan kos yang tinggi. Dengan adanya kursus yang dianjurkan ini kelak dijangka akan dapat membantu menghasilkan baja organik yang lebih berkualiti sama ada untuk kegunaan sendiri ataupun untuk jualan.



Peserta kursus akan mempelajari teknik-teknik membuat baja organik yang berasaskan dari sisa haiwan dan tanaman, yang sangat mudah dan ringkas serta tidak menggunakan modal atau kos yang tinggi. Kursus ini merangkumi pemilihan bahan/media, kaedah penggunaan agen penguraian, memahami dan mempelajari teknik-teknik membuat baja kompos, cecair (foliar) dan Efektif Mikroorganisma (EM), termasuk teknik pembungusan dan pelabelan. Perkongsian ilmu juga berkenaan dengan cabaran, pengeluaran dan scenario berkaitan dengan penghasilan baja organik.



Cadangan

KURSUS PEMINDAHAN TEKNOLOGI PERTANIAN TAHUN 2025 PUSAT PERTANIAN PUTRA, UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA SARAWAK

Kursus Pengurusan Penternakan Ayam	12 April 2025 (Sabtu)	Ts. Dr. Carlina Freddie Simol @ Rachellynna H/P: 019-8340886 Pn. Jega Jantai H/P: 013-8395384
Kursus Penanaman Sayuran Menggunakan Teknologi Sistem Fertigasi Dan Hidroponik	10 Mei 2025 (Sabtu)	En. Nalong Buda H/P: 013-8482352 En. Dennis Len Gouk H/P: 019-8145824 En. Shamsudin Hatim H/P: 012-8522521
Kursus Asas Ternakan Ikan Air Tawar Secara Akuakultur	17 Mei 2025 (Sabtu)	Ts. Dr. Carlina Freddie Simol @ Rachellynna H/P: 019-8340886 En. Ayum Balai H/P: 019-8551378
Kursus Pengurusan Penternakan Ayam	14 Jun 2025 (Sabtu)	Ts. Dr. Carlina Freddie Simol @ Rachellynna H/P: 019-8340886 Pn. Jega Jantai H/P: 013-8395384
Kursus Pengurusan Pastura & Pembuatan Silaj Makanan Ternakan Ruminan	21 Mei 2025 (Sabtu)	Dr. Zaidi Suif H/P: 013-8400851 Ts. Dr. Carlina Freddie Simol @ Rachellynna H/P: 019-8340886 Cik Josephine Jawai Makos H/P: 013-7073252
Kursus Pengurusan Penternakan Itik	21 Jun 2025 (Sabtu)	Ts. Dr. Carlina Freddie Simol @ Rachellynna H/P: 019-8340886
Kursus Pengurusan Penternakan Burung Puyuh	28 Jun 2025 (Sabtu)	Pn. Norbaya Che Rus H/P: 016-9419677
Kursus Pembibitan & Pengurusan Durian	19 Julai 2025 (Sabtu)	En. Sat Maling H/P : 019-8860595 En. Awie Danguah H/P : 019-8595864
Kursus Sayuran : Sistem Penanaman Tepat Untuk Mengoptimalkan Keuntungan	16 Ogos 2025 (Sabtu)	En. Sylvester Igak Kana H/P: 019-8855729 En. Hazman Bin Mohd. Julaihi H/P: 010-4386885 Pn. Nurliyana Binti Mahdar H/P: 013-8941282
Formulasi dan Pembuatan Makanan Ternakan	23 Ogos 2025 (Sabtu)	Ts. Dr. Carlina Freddie Simol @ Rachellynna H/P: 019-8340886 Cik Josephine Jawai Makos H/P: 013-7073252
Kursus Prinsip Pembuatan Makanan Rumusan Ikan	20 - 21 Sept 2025 (Sabtu)	Ts. Dr. Carlina Freddie Simol @ Rachellynna H/P: 019-8340886 En. Ayum Balai H/P: 019-8551378
Kursus Pembuatan Baja Organik	6 Disember 2025 (Sabtu)	En. Sat Maling H/P : 019-8860595 Pn. Anila Binti Ibrahim H/P : 019-8682768

Sila hubungi jika ada sebarang pertanyaan:

PPP@UPMS

**Pusat Pertanian Putra
Universiti Putra Malaysia Sarawak
Jalan Nyabau, Peti Surat 396,
97008 Bintulu, Sarawak**

**No. Tel: 086-855667 (Pejabat)
No. Fax: 086-855283 (Faks)**



KURSUS ANJURAN PUSAT PERTANIAN PUTRA UPMS YANG TELAH DIJALANKAN
SEPAJANG TAHUN 2024









Encik Jalong Imut dan isterinya, Puan Fesilia Kuweng

Turut hadir menghadiri kursus ini juga seorang pesara guru besar, Encik Jalong Imut yang telah berpencen pada awal tahun Januari 2024 ini tadi. Beliau juga membawa bersama isterinya, Puan Fesilia Kuweng untuk turut menimba ilmu pada kursus kali ini agar bersama-sama mendalami ilmu penternakan ayam.

"Kursus ini merupakan "eye-opener" bagi saya dan isteri untuk memulakan penternakan ayam. Banyak maklumat dan pengetahuan yang diperolehi dari penceramah berpengalaman iaitu (Dr. Carlina) semasa kursus ini. Untuk perancangan seterusnya kami akan mencuba menternak ayam secara kecil-kecilan dan jika berjaya pada peringkat percubaan, saya akan menambah jumlah ternakan sehingga mampu memasarkan ayam ke kawasan sekitar" kata Encik Jalong semasa diwawancara setelah kursus tamat.

Encik Malarn Meria

Peserta kursus, Encik Malarn Meria dan adik-beradiknya berserta isteri beliau juga turut menyertai kursus yang dianjurkan Pusat Pertanian Putra, UPMKB ini. Beliau yang berasal dari Bario dan kini merupakan seorang pesara berkata:



"Saya amat bersyukur kerana banyak pengetahuan yang diperolehi terutamanya untuk memulakan penternakan ayam. Tambahan pula, penceramah (Dr. Carlina) mempunyai pengetahuan yang luas dalam bidang penternakan ayam ini. Saya perlu mencari pengetahuan lebih dalam lagi mengenai penternakan ayam ini terutamanya ayam pedaging dan ayam penelur. Dalam kursus ini juga saya mengetahui cara meningkatkan penternakan ayam mengikut tempoh yang bersesuaian".

Beliau juga akan berusaha untuk memulakan penternakan ayam walaupun kekangan tapak mengusahakan penternakan yang jauh memandangkan kini beliau menetap di Miri, Sarawak. Sehubungan dengan itu, beliau menyatakan masalah pemasaran juga mungkin akan timbul memandangkan tapak penternakan yang ingin diusahakan jauh dari bandar. Namun begitu, beliau komited dalam mencari jalan penyelesaian risiko yang bakal beliau hadapi.



Encik Mohamad Irfan Auzan Bin Mohamad Farishan

Peserta kursus, Encik Mohamad Irfan Auzan Bin Mohamad Farishan merupakan graduan bidang bioteknologi juga amat berminat untuk terjun ke bidang penternakan ayam. Sebelum ini beliau juga mengusahakan penanaman sayuran fertigasi di tempat asalnya, Mukah, Sarawak. Semasa ditemu bual, beliau sempat mengekpresasikan rasa syukurnya setelah tamat kursus ini.

"Saya bersyukur kerana mengambil peluang ini datang ke Bintulu semata-mata untuk menghadiri kursus ini yang dianjurkan semula oleh pihak PPP, UPMKB untuk kami yang terlepas peluang pada

telah mempelajari cara-cara pengurusan ayam pedaging dan penelur dengan lebih dalam lagi. Saya juga telah mengetahui tentang risiko dan masalah yang bakal dihadapi dalam memulakan penternakan ayam. Walaupun terdapat risiko sedemikian, saya juga telah diajar untuk mengatasi risiko dan masalah tersebut. Tambahan itu, saya juga mengetahui tentang pengurusan pemakanan penternakan ayam." Katanya.

Beliau juga berhasrat mencuba menternak secara kecil-kecilan dahulu untuk melihat potensi perniagaan di



Encik Zulhi Bin Dobi

Peserta kursus, Encik Zulhi Bin Dobi merupakan pemandu pelancong yang datang daripada Kuching, Sarawak juga amat berminat dalam mengusahakan penternakan ayam ini. Beliau berkata:

"Saya sanggup datang daripada Kuching semata-mata menghadiri kursus ini. Selepas tamat kursus ini, saya telah dideakah dengan jenis-jenis ayam yang bersesuaian untuk memulakan penternakan. Saya juga dapat mengetahui risiko penyakit yang akan menjangkiti ayam dan cara pencegahannya. Saya sangat berhasrat untuk mencebur ke dalam bidang ini dengan lebih dalam lagi."

Salah seorang peserta iaitu Encik Abdul Murad Bin Baraim yang berasal dari Kabong, Betong pernah mengikuti Kursus Pengurusan Penternakan Ayam yang telah diadakan pada 25 Februari 2023 dan kini datang sudi untuk kembali bagi menyertai Kursus Penternakan Itik Penelur dan Pelan Perniagaan pula. Beliau mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pusat Pertanian Putra, UPMKB terutamanya penceramah yang berpengalaman iaitu Ts. Dr. Carlina serta urusetia kursus kerana telah membantu beliau dalam bidang penternakan ayam. Beliau telah mengaplikasikan ilmu yang diperolehi dalam kursus penternakan ayam yang pernah dihadiri sebelum ini dan kini merupakan seorang penternak ayam yang berjaya dan mengusahakan perusahaan penternakan ayam sebagai sumber pendapatan utama.

Beliau telah menternak dan memasarkan hasil telur ayam di kedai runcitnya sendiri yang mana permintaan telur ayam segar adalah sangat tinggi. Sehubungan dengan itu, beliau juga telah berjaya mendapat bantuan daripada Jabatan Veterinar Sarawak dan Malaysian Palm Oil Board (MPOB) dalam memajukan lagi perniagaan beliau. Oleh kerana itu, beliau sanggup hadir ke UPMKB sekali lagi bagi mendalami ilmu penternakan itik penelur pula dan bersedia untuk memulakan penternakan itik penelur di samping meneruskan penternakan ayam yang sedia ada kini.



Encik Simon Anak Joseph yang berasal dari Selangau juga pernah menyertai kursus yang sama yang dianjurkan oleh Pusat Pertanian Putra, UPMKB pada tahun 2018 yang lalu. Beliau menyatakan keterujaan beliau kerana banyak info penternakan itik penelur yang terbaru telah beliau pelajari semasa Kursus Penternakan Itik Penelur dan Pelan Perniagaan yang disampaikan oleh Dr. Carlina dan Dr. Anita kali ini.

"Kali ini saya telah mempelajari cara pengeraman telur itik dengan lebih dalam lagi berbanding sebelum ini. Pembuatan inkubator secara do-it-yourself (D.I.Y) juga menarik perhatian saya dan kos pembuatan inkubator sedemikian sangat ekonomik" ujarnya.

Beliau kini giat memfokuskan untuk menyampaikan ilmu pertanian kepada komuniti melalui program Sustainable Development Goals (SDGs) yang dipantau di bawah All-Party Parliamentary Group Malaysia (APPGM) yang mana beliau telah mendapat 2 projek pertanian (di Kuala Balingian dan Kapit) yang kini sedang dalam proses berlangsung dan akan tamat pada Oktober tahun ini. Selain itu, beliau juga berharap akan dapat menjalankan penternakan itik penelur dan ayam penelur dalam masa terdekat ini.



Encik Muhammad Waqas Butt

Peserta kursus yang berasal dari Pakistan, Encik Muhammad Waqas Butt juga turut berminat menyertai Kursus Pengurusan Penternakan Ayam (Kumpulan 2) setelah mendengar info kursus daripada rakan perniagaan mengenai kursus ini. Perbezaan bahasa yang digunakan semasa kursus bukan penghalang bagi beliau untuk turut serta dalam kursus ini kerana penceramah menggunakan 2 bahasa iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Tambahan pula, beliau agak fasih berbahasa Melayu memandangkan telah menetap di Malaysia selama beberapa tahun.

"Saya amat menghargai usaha penceramah (Dr. Carlina) dalam membimbing peserta untuk mendalamai ilmu penternakan ayam ini. Dengan penjelasan yang jelas, teliti dan contoh-contoh yang diberi memudahkan saya untuk turut terlibat sama semasa pembelajaran teori dan juga amali. Selepas ini, saya akan menghadiri lebih banyak lagi kursus-kursus berkaitan penternakan ayam ini sebelum memulakan sendiri penternakan saya" kata beliau setelah tamat kursus.

Encik Sufri Akbar Bin Sukarno

Turut menghadiri kursus pada 18 Mei 2024 yang lalu, Encik Sufri Akbar Bin Sukarno yang merupakan graduan pengeluaran tanaman daripada UMS juga turut berminat untuk berkecimpung dalam bidang penternakan ayam. Beliau tertarik dalam mengusahakan penternakan ini setelah negara mengalami krisis bekalan semasa pengeluaran ayam pada beberapa tahun yang lepas.

"Ilmu utama yang saya pelajari adalah kekuatan setiap jenis ayam yang ingin diusahakan. Saya juga mempelajari teknik, kos penternakan, amalan pertanian, undang-undang berkaitan dan juga cara merekod data yang diperlukan dalam penternakan ayam. Selepas ini saya akan mencuba menternak skala kecil untuk mengalami sendiri risiko atau masalah yang bakal dihadapi dan juga pengiraan kos terlibat dalam mengusahakan penternakan ayam. Saya juga berharap penternakan ayam ini dapat saya gabungkan dengan usaha menghasilkan tanaman sayur-sayuran yang sedia ada kini" katanya semasa ditemu bual.



Encik Tim Ramphal Anak Liap yang berasal dari Song, Kapit merupakan graduan jurusan kejuruteraan dari UiTM Shah Alam telah jatuh cinta dengan bidang pertanian dan penternakan. Beliau juga pernah mengikut kursus penternakan lembu dan penternakan udang yang dianjurkan oleh Pusat Pertanian Putra, UPMKB pada beberapa tahun yang lalu dan kini datang sekali lagi untuk menimba ilmu penternakan itik penelur.



Beliau kini merupakan usahawan yang mengusahakan penanaman cili secara fertigasi dan juga penanaman pokok sawit di samping mengusahakan penternakan yang lain. Beliau juga kini giat dalam program pertanian di bawah seliaan All-Party Parliamentary Group Malaysia (APPGM). Di samping itu juga, beliau berharap dapat mengusahakan penternakan itik penelur dalam masa terdekat.

"Saya amat menghargai usaha penceramah (Dr. Carlina) dalam membimbing peserta untuk mendalami ilmu penternakan itik ini.